

17 NOV 1998

APEC-BERITA-INDONESIA

HABIBIE JAMIN AKAN TERUS ERATKAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Presiden BJ Habibie hari ini memberi jaminan kepada Malaysia bahawa Indonesia akan terus memberi tumpuan kepada mengeratkan hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Habibie melihat hubungan dua hala sekarang sebagai amat penting dan perlu diperkukuhkan.

Habibie menyatakan ini semasa pertemuan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari tadi sebelum persidangan kemuncak Apec yang bermula esok.

Abdullah berkata Dr Mahathir menyambut baik hasrat pemimpin Indonesia itu yang kini menghadapi rusuhan anti-kerajaan yang mengakibatkan 14 pelajar terkorban dalam rusuhan hujung minggu lepas.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga berpendapat kerjasama Malaysia-Indonesia itu akan meliputi pelbagai bidang ekonomi disamping berkongsi pengalaman berkaitan cara masing-masing menangani isu kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang melanda Asia sejak tahun lepas.

Habibie yang tiba di sini pagi tadi dijangka terbang pulang ke Jakarta malam ini selepas majlis jamuan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Mandarin Oriental.

Beliau dijangka kembali semula ke ibunegara Malaysia esok untuk menyertai para pemimpin Apec yang lain berehat di Cyberview Lodge di Cyberjaya, kira-kira 45km dari sini. -- BERNAMA

ARA JR